



ADVISORY NOTE NO. 2/2021

PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

PENDAHULUAN

1. Selaras dengan pengumuman Kerajaan tentang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 31 Januari 2021 berkenaan Kemasukan Semula Pelajar Ke Kampus Secara Fizikal Bermula 1 Mac 2021, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) prihatin akan kelancaran pelaksanaan program di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).
2. Bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk mengekang penyebaran COVID-19 di kalangan masyarakat, MQA menggalakkan PPT meneruskan pelaksanaan program secara pembelajaran dalam talian / *remote* bagi memastikan program yang dijalankan dapat diteruskan mengikut kalendar akademik masing-masing.
3. Panduan ini perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa termasuk KPT dan pihak lain yang berkaitan. Setelah keadaan dan arahan pihak berkuasa membenarkan, PPT hendaklah membuat perancangan dan melaksanakan transisi penyampaian program secara bersesuaian untuk kembali kepada penawaran asal.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

4. PPT diberikan fleksibiliti untuk mengendalikan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian / *remote* dan PPT perlu menyediakan pelan tindakan bagi menghadapi keadaan atau situasi krisis yang boleh berlaku secara tiba-tiba. Pelaksanaan kursus-kursus yang terancang dan tersusun akan melancarkan penawaran program.
5. Pelbagai kaedah pembelajaran dalam talian telah diperkenalkan dan boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi kursus-kursus yang bercirikan teknikal, klinikal, kerja makmal atau lain-lain aktiviti yang melibatkan keperluan kompetensi kemahiran yang spesifik dinasihatkan untuk secara kreatif dan berinovasi, merangka kursus-kursus yang disokong dengan aktiviti praktikal atau amali dalam talian yang bersesuaian seperti *virtual simulation*, *virtual lab*, *augmented reality*, *virtual reality* dan sebagainya.

6. Bagi kursus atau komponen pembelajaran yang memerlukan pelaksanaan secara bersemuka dan tidak dapat diganti melalui kaedah pembelajaran dalam talian / *remote*, boleh dianjurkan ke minggu pembelajaran atau semester akan datang atau setelah PPT merangka kaedah pembelajaran dalam talian / *remote* yang bersesuaian.

MICRO-CREDENTIAL

7. MQA telah memperkenalkan *micro-credential* bagi membolehkan kursus-kursus daripada program yang telah mendapat akreditasi ditawarkan dalam unit pembelajaran yang lebih kecil. PPT boleh menyusun penawaran kursus-kursus secara *micro-credential* bagi membolehkan pelajar belajar dengan lebih fokus kepada topik atau unit pembelajaran mengikut kesesuaian dan kemampuan mereka.

LATIHAN INDUSTRI / WORK-BASED LEARNING (WBL) / 2u2i

8. Peka dengan kesukaran pelajar untuk menjalani latihan industri sepenuhnya, PPT boleh menggantikan latihan industri tersebut kepada alternatif lain yang bersesuaian bergantung kepada bidang program dan mesti memenuhi hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Kaedah lain yang boleh dipertimbangkan adalah seperti *industry-based project*, *problem-based project*, *topical study* atau *research project*.
9. Kaedah alternatif ini boleh dilaksanakan sebagai penggantian penuh atau sebagai pelengkap kepada latihan industri yang terpaksa dihentikan separuh jalan dan belum memenuhi hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Pelajar tidak perlu melengkapkan baki minggu latihan industri sekiranya pelajar telah didapati memenuhi set kemahiran dan hasil pembelajaran yang ditetapkan.
10. Adalah menjadi tanggungjawab PPT untuk memastikan pelajar mendapat pendedahan industri yang diperlukan sebagai persediaan mereka di alam pekerjaan dengan memastikan pelajar memenuhi hasil pembelajaran kursus.
11. PPT yang mempunyai program yang sama dan dijalankan dalam dua mod yang berbeza iaitu mod kerja kursus serta industri (2u2i) / WBL, boleh mempertimbangkan untuk menukarkan pelajar mod industri kepada mod kerja kursus. PPT boleh menggantikan kursus latihan industri selaras dengan perkara 8.

PENILAIAN PELAJAR

12. PPT dibenarkan membuat penyesuaian dan pengubahsuaian terhadap kaedah penilaian berterusan atau penilaian akhir bentuk baharu bagi mengukur hasil pembelajaran kursus. Penyelaras program atau *Subject Matter Expert* (SME) hendaklah menentukan kesesuaian dan kecukupannya.
13. Bagi pengendalian penilaian secara dalam talian, proses penilaian yang mantap adalah dititikberatkan dengan mengutamakan ciri-ciri keselamatan dan integriti agar penilaian yang dilaksanakan adalah adil, sah dan telus.

JAMINAN KUALITI DALAMAN

14. Pusat/ Unit Jaminan Kualiti Dalaman PPT memainkan peranan penting dalam memastikan penyampaian program yang dijalankan secara dalam talian / *remote* adalah berkesan dan mencapai kualiti program yang ditetapkan.
15. Pusat/ Unit Jaminan Kualiti Dalaman PPT perlu memantau secara berterusan dan menyediakan pelan tindakan bagi menangani isu-isu yang berbangkit.

Adalah dimaklumkan dengan pemakaian *Advisory Note* ini, maka *Advisory Note No. 1/2020* bertarikh 29 Mac 2020 dan *Advisory Note No. 4/2020* bertarikh 29 Mei 2020 adalah terbatal. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
08 FEBRUARI 2021**